

TEKS UCAPAN ALU-ALUAN  
YDH DCP DATO' YUSOFF BIN MOHD AMIN, KETUA PENGARAH  
BAHAGIAN PERLINDUNGAN, JABATAN PERDANA MENTERI  
PADA 25 APRIL 2019

BISMILAHIR RAHMANIR RAHIM  
**YB TN. MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN.**  
TIM. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
**YDH DCP DATO' MAT KASIM BIN KARIM**  
TIMBALAN KETUA POLIS KEDAH  
**YDH ACP MD ZAMRI BIN MD ZANU**  
TIMBALAN KETUA POLIS PERLIS  
PENGARAH-PENGARAH AGENSI PENGUATKUASAAN NEGERI KEDAH  
DAN PERLIS  
KETUA-KETUA JABATAN KERAJAAN  
DATO' DATO' / TUAN – TUAN / PUAN – PUAN DAN PARA HADIRIN  
SEKALIAN.

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA

TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA SAMA-SAMA MERAFAKKAN  
RASA KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN  
LIMPAH KURNIA DAN KEIZINAN-NYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA  
MENJAYAKAN PROGRAM OUTREACH BAHAGIAN PERLINDUNGAN  
JABATAN PERDANA MENTERI (BPJPM) INI. DI KESEMPATANINI, SAYA

DENGAN RENDAH DIRI INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA YANG BERHORMAT TN. MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN TIM.MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI KERANA BUAT JULUNG-JULUNG KALINYA SUDI HADIR MERASMIKAN PROGRAM OUTREACH BPJPMINI. KITA PERCAYA KEHADIRAN YB TN. MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN TIM.MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB KEPADA URUSAN UNDANG-UNDANG ADALAH SANGAT SIGNIFIKEN DENGAN PENGUATKUASAAN AKTAINI DAN PERKARA-PERKARA YANG MELIBATKAN PERLINDUNGAN SAKSI. KITA BERSAMA-SAMA MENDOAKAN AGAR PROGRAM OUTREACH BPJPMINI AKAN MENCAPAI KEPADA MATLAMATNYA.

UNTUK MAKLUMAN YB , DATO' - DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN, PADA 15 APRIL YANG LEPAS, BPJPM TELAH MENYAMBUT TAHUN KE – 9 PENUBUHANYA. DI AWAL PENUBUHAN, JABATANINI DINAMAKAN SEBAGAI UNIT PERLINDUNGAN SAKSI ( UPS ) DAN BEROPERASI DI ARAS 8, BANGUNAN BHEUU, PRESINT 3, PUTRAJAYA. NAMUN DI ATAS FAKTOR-FAKTOR KESELAMATAN DAN KERAHSIAAN, PADA 6 MAC 2013, NAMANYA TELAH DITUKARKAN KEPADA BAHAGIAN PERLINDUNGAN, DAN PEJABATINI TELAH BERPINDAH KE IOI RESORT, PUTRAJAYA SEHINGGAN SEKARANG.

PENUBUHAN BAHAGIAN PERLINDUNGAN DALAM  
MENGUATKUASAKAN AKTA INI ADALAH BERTEPATAN DENGAN  
DASAR KERAJAAN SEKARANG IAITU MEMPERKASAKAN SISTEM  
PENTADBIRAN YANG BERSIH DARI PENYALAHGUNAAN KUASA DAN  
RASUAH. PERKARAINI TELAH DIBERIKAN PENEKANAN OLEH  
PERDANA MENTERI KITA YAB TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD.  
MELALUI UCAPAN BELIAU PADA 18 OKTOBER 2018 SEMASA  
PEMBENTANGAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN  
MALAYSIA KE 11 ( RMK-11 ), 2016-2020 BAHAWA KERAJAAN AKAN  
MENTRANSFORMASIKAN MALAYSIA BARU BERTERASKAN KEPADA  
PRINSIP KEADILAN, TADBIR URUS YANG BAIK, INTEGRITI DAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG (**RULE OF LAW**).

**YB / DATO'-DATO' / TUAN-TUAN / PUAN-PUAN DAN HADIRIN  
SEKALIAN.**

PERANAN UTAMA BPJPMINI DITUBUHKAN ADALAH UNTUK  
MELINDUNGI SAKSI-SAKSI PENDAKWAAN YANG DITERIMA MASUK  
MELALUI PROGRAM PERLINDUNGAN SAKSI SEPERTIMANA

TERMAKTUB DI DALAM AKTA PERLINDUNGAN SAKSI 2009 (AKTA 696). PROGRAM PERLINDUNGAN SAKSI MERUPAKAN TERAS KEPADA KEWUJUDAN AKTAINI DAN BPJPM ADALAH SATU-SATUNYA JABATAN YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN UNTUK MENGUATKUASAKAN AKTA PERLINDUNGAN SAKSI 2009 (AKTA 696)INI.

MELALUI PROGRAM PERLINDUNGAN SAKSIINI, SAKSI-SAKSI AKAN DIBERIKAN PERLINDUNGAN KESELAMATAN YANG SEWAJARNYA TERHADAP DIRI DAN KELUARGANYA DENGAN KAEDAH PERLINDUNGAN YANG TELAH DIWUJUDKAN. NAMUN BEGITU, KAEDAH PERLINDUNGAN YANG DIBERIKAN ADALAH BERBEZA-BEZA DENGAN MENGAMBIL KIRA FAKTOR-FAKTOR TERTENTU SEPERTI TAHAP ANCAMAN YANG DITERIMA OLEH SAKSI, SITUASI DAN LATARBELAKANG SAKSI, JENIS KES YANG TERLIBAT, PENGLIBATAN ORANG-ORANG TERTENTU DAN LAIN-LAIN LAGI. SAKSI-SAKSI AKAN DITEMPATKAN DI RUMAH PERLINDUNGAN SAKSI YANG DIKAWAL OLEH PEGAWAI DAN EJEN BPJPM DENGAN KAWALAN 24 JAM.

KEBANYAKAN SAKSI YANG DILINDUNGI ADALAH MELIBATKAN KES-KES JENAYAH SEPERTI KES BUNUH, PEMERDAGANGAN MANUSIA DAN KESALAHAN RASUAH. KEBANYAKAN KES YANG

TERLIBAT ADALAH KES BERPROFIL TINGGI, TETAPI IANYA BUKANLAH MENJADI KEUTAMAAN KEPADA BPJPM UNTUK MEMILIH SAKSI KES-KES BERPROFIL TINGGI SAHAJA Malah TERBUKA KEPADA SEMUA SAKSI KES-KES LAIN YANG MEMPUNYAI TAHAP ANCAMAN YANG TINGGI SEHINGGA BOLEH MENYEBABKAN KEHILANGAN NYAWA. SEHINGGA KINI, PIHAK KAMI BELUM MENERIMA SAKSI-SAKSI YANG TERLIBAT DENGAN KES-KES JENAYAH KOMERSIAL DAN KESALAHAN DADAH / NARKOTIK.

MELIHAT KEPADA PERKEMBANGAN SEMASA, KITA DAPATI KES-KES PENYALAHGUNAAN KUASA DAN RASUAH MELIBATKAN ORANG – ORANG KENAMAAN, KEJADIAN BUNUH DAN LAIN-LAIN KES JENAYAH SEMAKIN KETARA. OLEH ITU SUDAH TENTU, TERDAPAT SAKSI-SAKSI UTAMA DALAM KES-KES TERSEBUT DAN AGENSI PENGUATKUASAAN TERLIBAT BOLEH MEMOHON UNTUK MEMASUKKAN SAKSI-SAKSI TERSEBUT KE DALAM PROGRAM PERLINDUNGAN SAKSI INI SEKIRANYA TERDAPAT SEBARANG ANCAMAN KE ATAS DIRI DAN KELUARGANYA. IN SHAA ALLAH, SEMOGA DENGAN KERJASAMA PIHAK DATO' – DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT

MEMPERKUKUHKAN LAGI PROGRAM PERLINDUNGAN SAKSI DAN DAPAT MEMBANTU SISTEM KEADILAN JENAYAH DI NEGARA INI.

**YB/ DATO'-DATO' / TUAN-TUAN / PUAN-PUAN DAN HADIRIN SEKALIAN.**

UNTUK MEMASTIKAN TAHAP KESELAMATAN SAKSI SENTIASA TERJAGA DAN TERJAMIN, PARA PEGAWAI DAN EJEN YANG BERTUGAS DI BPJPM TELAH DILATIH DENGAN KEMAHIRAN-KEMAHIRAN TERTENTU SEPERTI KURSUS 'BODYGUARDING', SENI MEMPERTAHANKAN DIRI, KAEADAH PEMANDUAN KENDERAAN SEMASA KECEMASAN DAN PEMANDUAN BERHEMAH SERTA LAIN-LAIN KURSUS YANG DIJALANKAN DI DALAM DAN LUAR NEGARA. MEREKA JUGA TELAH DIAJAR DAN DILATIH BAGAIMANA UNTUK MENGURUSKAN KEHIDUPAN HARIAN SAKSI, DIBERIKAN KURSUS KAUNSELING DAN SEBAGAINYA AGAR MEREKA DAPAT

MENJALANKAN TUGAS DENGAN CEKAP DAN PROFESIONAL.

UNTUK PERANCANGAN MASA HADAPAN, DALAM PROSES MENJADIKAN BPJPM SETARAF DENGAN AGENSI-AGENSI PENGUATKUASAAN KERAJAAN YANG LAIN MALAH SETANDING DENGAN UNIT PERLINDUNGAN SAKSI DI LUAR NEGARA SEPERTI HONG KONG, AUSTRALIA DAN LAIN-LAIN, USAHA AKAN DIPERGIATKAN LAGI DALAM BENTUK KERJASAMA DI ANTARA DUA NEGARA. BENTUK KERJASAMA INI AKAN DIPERTINGKATKAN DALAM SEMUA ASPEK TERMASUK LATIHAN KEMAHIRAN, KURSUS-KURSUS PENGURUSAN DAN PENJAGAAN SAKSI, PERTUKARAN PEGAWAI SEHINGGALAH KEPADA MEMBERIKAN PERLINDUNGAN KEPADA SAKSI-SAKSI DARI NEGARA-NEGARA LUAR. KITA BERHARAP PERANCANGANINI AKAN DAPAT DILAKSANAKAN DALAM TEMPOH 5 - 10 TAHUN AKAN DATANG.

**YB/ DATO'-DATO' / TUAN-TUAN / PUAN-PUAN DAN HADIRIN  
SEKALIAN**

AKHIR KATA SEKALI LAGI SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA YB TN. MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN, TIM.MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN TIDAK LUPA KEPADA PIHAK KETUA POLIS KEDAH KERANA KOMITMEN YANG TINGGI DENGAN MEMBERIKAN SEGALA KEMUDAHAN KEPADA PIHAK KAMI UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM OUTREACHINI. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA SEMUA PIHAK YANG BERSAMA-SAMA TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PROGRAM OUTREACH KALI INI SECARA LANGSUNG ATAU PUN TIDAK. SEMOGA KERJASAMA DAN SOKONGANINI AKAN BERTERUSAN PADA MASA – MASA AKAN DATANG DEMI KEDAULATAN UNDANG-UNDANG NEGARA INI.

DENGAN ITU, SAYA AKHIRI UCAPANINI DENGAN WABILLAH HITTAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HITA'ALA WABARAKATUH.

SEKIAN, TERIMA KASIH.